

Kempen PruBSN Lestari 65th Merdeka Rezeki Draw

Terma dan Syarat

1. Kempen ini ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN"). Melalui penyertaan anda dalam Kempen ini, anda terikat dengan semua terma dan syarat Kempen ini.
2. Tempoh Kempen: 23 Ogos 2022 hingga 30 September 2022, termasuk kedua-dua tarikh ini.
3. Pelanggan yang Layak hendaklah memberikan butiran nama penuh, nombor kad pengenalan, e-mel, maklumat untuk dihubungi/nombor telefon dan alamat surat-menyurat yang tepat dalam borang cadangan atau PruBSN Touch sebelum 1 Disember 2022.
4. Kelayakan Kempen:
 - a) Pelanggan yang menyertai sijil baharu (Bisnes Baru):
 - i) PruBSN Lestari dengan **Jumlah Perlindungan Asas Minimum RM100,000**; dan
 - ii) Menyerahkan borang cadangan kepada PruBSN dari 23 Ogos 2022 hingga 30 September 2022 (termasuk kedua-dua tarikh ini), di mana sijil tersebut haruslah diluluskan dan dikeluarkan sebelum 15 Oktober 2022 ("Pelanggan yang Layak").
 - b) Sijil hendaklah kekal berkuat kuasa dengan tiada sumbangan tertunggak sehingga 1 Disember 2022.
 - c) **Kaedah Pembayaran** haruslah dilakukan melalui:
 - **Kad Kredit/Debit diikuti dengan pendaftaran dalam talian melalui PruBSN Mobility atau PruBSN Touch, atau**
 - **Debit Terus diikuti dengan pendaftaran dalam talian melalui PruBSN Mobility atau PruBSN Touch**Kaedah pembayaran di atas mestilah dikemas kini sebelum 1 Disember 2022.
5. Mekanisme dan Ganjaran Kempen:
 - a) Tertakluk pada Terma dan Syarat bagi Kempen ini, Pelanggan yang Layak yang memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan di dalam Kempen ini (seperti yang dinyatakan di dalam perenggan 4 di atas), berpeluang memenangi satu (1) daripada hadiah-hadiah Rezeki Draw ("Ganjaran").
 - b) Ganjaran yang akan diberikan kepada pemenang di bawah Kempen seperti berikut:

Hadiah	Ganjaran Rezeki Draw	Bilangan Pemenang
Hadiah Pertama	Penginapan 3 Hari 2 Malam di The St. Regis Kuala Lumpur (Bilik Guest/Deluxe untuk 2 orang)	1
Hadiah Kedua	Penginapan 3 Hari 2 Malam di The Majestic Hotel Kuala Lumpur (Bilik Guest/Deluxe untuk 2 orang)	1
Hadiah Ketiga	Penginapan 3 Hari 2 Malam di Four Points by Sheraton Kuala Lumpur, Chinatown (Bilik Guest/Deluxe untuk 2 orang)	1
Hadiah Istimewa	RM100 e-Baucar Lazada	65

6. Pelanggan yang Layak yang memenuhi kriteria kelayakan untuk Rezeki Draw seperti yang dinyatakan di dalam perenggan 4 di atas, akan dipilih oleh PruBSN sebelum 31 Januari 2023.
7. Pemenang hanya layak untuk menerima maksimum satu (1) Ganjaran.
8. Pemenang yang terpilih untuk mendapat Ganjaran akan dimaklumkan melalui SMS yang dihantar kepada nombor telefon pemilik sijil seperti yang dinyatakan dalam borang cadangan atau PruBSN Touch, Ganjaran akan diedarkan kepada para pemenang mulai 15 Februari 2023.
9. Kempen ini mengecualikan kes-kes ejen atau kakitangan PruBSN sendiri (di mana ejen atau kakitangan ialah pemilik sijil/orang yang dilindungi dalam pelan tersebut).
10. Semua hak, kepentingan, hak milik dan faedah Hadiah adalah dianggap telah diserahkan kepada pemenang setelah Ganjaran diedarkan (termasuklah diedarkan melalui cara elektronik seperti e-mel). Sekiranya Hadiah tersebut dicuri atau hilang kerana sebarang sebab atau dalam sebarang keadaan, tiada penggantian akan dibuat oleh PruBSN.
11. Sebarang perbezaan nilai pada pembelian barang yang menggunakan e-Baucar Lazada tidak akan dikembalikan.
12. PruBSN tidak memberikan jaminan ke atas kualiti atau perkhidmatan yang berkaitan dengan Ganjaran. PruBSN tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan, kerosakan atau kemudaratan (sama ada secara fizikal atau mental) yang mungkin dialami oleh pemenang yang timbul akibat penerimaan dan penggunaan Ganjaran.
13. PruBSN boleh menggantikan Ganjaran tersebut dengan barangan lain yang mempunyai nilai yang setara tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
14. Ganjaran tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai, kredit atau seumpamanya.
15. Ganjaran yang ditawarkan di sini tidak boleh dianggap sebagai perubahan kepada terma dan syarat sijil takaful yang diterima di mana semuanya adalah tertakluk pada pemprosesan standard atau pengunderaitan PruBSN.
16. Keputusan PruBSN terhadap pemberian Ganjaran tersebut adalah muktamad dan tertakluk pada terma dan syarat ini, dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
17. Pelanggan yang Layak hendaklah mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, undang-undang antirasuah dan peraturan yang terpakai. PruBSN mempunyai hak untuk membatalkan penyertaan anda tanpa notis sekiranya berlaku sebarang ketidakpatuhan atau pelanggaran undang-undang dan peraturan berhubung dengan penyertaan anda dalam Kempen ini.
18. Terma dan syarat ini disediakan di dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.